



## al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī Kitab Sharḥ Hadith Pertama di Banjar (Kalimantan Selatan)

Muhammad Hasan Said Iderus, Latifah Abdul Majid, Ahamad Asmadi Sakat,  
Akhmad Sagir, M.Ag & Hamdan Arman M.Ed

**Abstrak:** Kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī* adalah karya KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari yang merupakan seorang ulama Nusantara yang memiliki kepakaran dalam hadith. Beliau merupakan ulama yang memiliki nasab keturunan sampai kepada Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari. Kajian ini diperlukan kerana sumbangan beliau dalam khazanah *hadith* Nusantara perlu di apresiasi kerana kitab ini di anggap sebagai kitab syarah hadith pertama ulama Banjar. Seterusnya kitab ini banyak digunakan di pengajian-pengajian agama, dan terutama di pondok-pondok pesantren terutama di pondok pesantren *Darussalam Martapura* Kalimantan Selatan Indonesia. Objektif artikel ini adalah untuk memperkenalkan karya KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari iaitu kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī*. Metodologi kajian adalah berbentuk analisis kandungan sepenuhnya kerana segala maklumat dan data hanya diperolehi dari pengumpulan dokumen. Data diproses mengikut tema-tema khusus berdasarkan ilmu sharḥ hadith dan dikemukakan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī* adalah kitab sharḥ pertama yang ditulis ulama Banjar. Metode sharḥ yang digunakan oleh KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari adalah ijimali, kemudian analisis yang digunakan KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari adalah analisis isi kemudian kitab ini memiliki karakter sharḥ hadith Arba‘īn imam Nawawi.

**Kata kunci :** *Sharḥ Hadīth, ulama Banjar, al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī*.

### Pengenalan

Sejarah perkembangan sharḥ ḥadīth mengikuti perkembangan pengajian ḥadīth. Perkembangan hadīth berserta penulisan ilmu ḥadīth di Nusantara berkait pula dengan kedatangan Islam ke Nusantara. Tercatat dalam sejarah di abad ke 7 M. datangnya Islam di Nusantara berkait kepada adanya hubungan masyarakat tempatan (Nusantara) dengan pedagang daripada Arab ataupun India. Kemudian di abad ke-17 M. ditemukan nya karya ulama Nusantara tentang kajian ḥadīth sama ada pengajian ataupun penulisan ḥadīth. Akhir Abad ke-19 M adan awal abad ke-20 M. memperlihatkan suatu ajakan telah berlaku kepada ilmu ḥadīth dan pengajian di Nusantara.<sup>1</sup>

Selanjutnya kajian ḥadīth oleh ulama banjar ini baru mendapatkan perhatian cukup besar mulai abad ke-20 M.<sup>2</sup> yang ditandai dengan beredar nya kitab-kitab ḥadīth yang dijadikan kurikulum pengajaran ḥadīth pada sejumlah pondok pesantren. Awal abad ke-20 M. terjadi usaha ulama Banjar iaitu KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari memberikan sharḥ terhadap kitab 40 ḥadīth al-Nawāwī dengan karyanya. Inilah sharḥ ḥadīth pertama yang ditulis oleh ulama Banjar.<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Mazlan Ibrahim, Haziah Hussin, Latifah Abdul Majid, *Warisan Hadith Ulama Nusantara*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 11-12.

<sup>2</sup>Pada abad ini keturunan dari Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari iaitu KH. Muhammad Kasyful Anwar memberikan suatu hal yang baru dalam dunia pesantren iaitu pesantren Darussalam sekembali beliau dari Tanah Arab. Sewaktu beliau dipercayai memimpin pesantren Darussalam periode ketiga. Pada saat itu buku-buku pelajaran di tulis beliau sendiri. Lihat Tim Sahabat (2010), 27 *Ulama Berpengaruh Kalimantan Selatan*, Kandangan: Penerbit Sahabat, hlm. 44.

<sup>3</sup>Saifuddin, Dzikri Nirwana, dan Bashori (2013) *Kajian Hadith Ulama Banjar*, Banjarmasin, Antasari Press, hlm. 4.

### Pernyataan Masalah

Ulama-ulama dahulu telah melakukan berbagai usaha untuk memahami dan menjelaskan ḥadīth-ḥadīth Nabi.<sup>4</sup> Hal ini dibuktikan dengan banyaknya ditulis kitab sharḥ ḥadīth. *Tanwīr al-hawālik* <sup>c</sup>alā Muwatta Mālik karya Jalaluddin al-Suyuṭī, *al-Mutaq fī sharḥ al-Muwatta* karya Khalaf Sulaiman bin Sa'ad, <sup>c</sup>Umdah al-Qarī sharḥ ṣahīh al-Bukhārī karya Badr al-Dīn al-<sup>c</sup>ainī, *Irshadu al-Sari li Sharḥ al-Bukhārī* karya Syihabudin Ahmad, *Almu<sup>c</sup>lim bi fawāid Muslim* karya Abū Fadhl, *Sharḥ Sunan Abi Daud li al-<sup>c</sup>Aini* karya Badruddin al-<sup>c</sup>Aini, *Aunul Ma<sup>c</sup>bud Sharḥ Sunan Abu Daud* karya, *Sharḥ Sunan al-Nasa'i li al-Sindi* karya Muḥammad Hayat, *Fath al-Bārī Sharḥ ṣahīh Bukhārī* karya Ibn Hajar al-Asqalānī dan *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba'<sup>c</sup>īn al-Nawāwī* karya KH Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari.

Kitab-kitab di atas merupakan kitab yang di sharḥ ḥadīth oleh berbagai ulama menggunakan metode masing-masing sesuai dengan latar belakang pendidikan ulama yang mensharḥkanya serta kondisi dan situasi di sekitarnya.<sup>5</sup> Hal ini yang menentukan terjadinya perbezaan untuk memahami dan menjelaskan suatu ḥadīth sehingga dalam suatu ḥadīth boleh difahamkan berbagai macam makna.<sup>6</sup>

Adanya Nusantara di Banjar dalam memberikan sharḥ ḥadīth terhadap ḥadīth Arba'<sup>c</sup>īn al-Nawāwī membuat perlu adanya kajian untuk mengkaji Ulama tersebut untuk mengetahui bagaimana metode yang diguna pakai untuk mensharḥkan ḥadīth yang terjadi di masa beliau masih hidup iaitu masa awal dalam sejarah kemajuan sharḥ ḥadīth Nusantara khususnya di Banjar. Dan lebih-lebih kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba'<sup>c</sup>īn al-Nawāwī* ini merupakan sharḥ hadith pertama ulama banjar. Dari penelitian ini juga akan terlihat bagaimana metode sharḥ ḥadīth di Banjar di awal abad ke-20 M.

Terdapat beberapa hal yang berbeza dengan kitab sharḥ yang lain iaitu di dalam kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba'<sup>c</sup>īn al-Nawāwī* KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari menggunakan penulisan sharḥ ḥadīth Arba'<sup>c</sup>īn al-Nawāwī menggunakan bahasa tempatan (Banjar) dan menuliskan menggunakan huruf jawi. Beliau juga memberikan sharḥ terhadap kitab tersebut dengan menyesuaikan konteks yang terjadi pada masyarakat Banjar saat itu sebagai bentuk respond terhadap permasalahan yang ada. selanjutnya, kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba'<sup>c</sup>īn al-Nawāwī* merupakan warisan berharga yang diberikan beliau untuk kemajuan Islam khususnya kajian hadith di Nusantara.

### Persoalan Kajian

Kajian ini juga dijalankan bagi menjawab persoalan berikut:

- Sejauh manakah sumbangan KH. Muhammad Kasyful Anwar dalam bidang hadith?
- Metode apa yang diguna pakai KH. Muhammad Kasyful Anwar mensharḥkan ḥadīth *Arba'<sup>c</sup>īn an-Nawāwī*?

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif kajian:

- Memperkenalkan penyusun kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba'<sup>c</sup>īn al-Nawāwī* kepada masyarakat dan sumbangan beliau dalam bidang hadith.
- Mengenal pasti metode yang digunakan KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari mensharḥkan ḥadīth *Arba'<sup>c</sup>īn an-Nawāwī*.

---

<sup>4</sup>Lihat Ahamad Asmadi Sakat & Mohd Fauzi Mohd Amin. *Kepentingan Sanad Dalam Ilmu Hadith Di Era Globalisasi*. Jurnal Ma'ālim al-Qur'an wa al-Sunnah. Vol 2 No 2, 2006, ISSN 1823-4356, Pp 165-187.2006.

<sup>5</sup>Lihat Ahamad Asmadi bin Sakat. *Metodologi Penulisan Kitab al-Jami'* Karya Imam al-Tirmidhi: Tumpuan Kepada Meriwayat Hadith Dalam Bab Tertentu. Jurnal Usuluddin UM. Bil. 12 : 2000. Pp 45-58. 2000

<sup>6</sup>Lihat juga Ahamad Asmadi Sakat. *Jenis dan Istilah Hadith dalam Jami' al-Turmudhi: Satu Kajian*. Jurnal Islamiyyat. Vol. 29 : 2007 ISSN 0216-5636. Pp 71-92

## Metodologi Kajian

Metode kajian merujuk kepada kaedah yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Kaedah kualitatif telah dijalankan dalam menjalankan kajian ini.

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian dengan menggunakan metode analisis dokumen yang terdiri daripada tesis, buku, jurnal, artikel, dan bahan-bahan yang berkaitan.

### Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan melalui kajian kepustakaan yang meliputi segala bahan yang berkait dengan metode analisis sejarah digunakan bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan riwayat hidup para KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari karya-karya beliau dalam bidang ḥadīth.. Kajian ini juga menggunakan metode analisis kandungan iaitu proses mengumpulkan segala maklumat berkaitan terhadap kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī*.

### Analisis Data

Bagi proses penganalisisan data pula, kaedah analisis deskriptif diaplikasikan. Kaedah ini diambil supaya data-data yang dikumpulkan mengenai tajuk kajian dapat dibahagikan berdasarkan kajian supaya kelihatan tersusun. Oleh itu, kajian ini dapat dilakukan dengan lebih baik dan sistematik.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Bagi mengenal pasti metode sharḥ kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī* karya KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari maka diketengahkan biografi dan karya dalam bidang ḥadīth terlebih dahulu.

### Biografi ringkas KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari

KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari dilahirkan di kampung Melayu, Martapura, Kalimantan Selatan Indonesia hari Isnin 4 Rajab 1304 H. Ayah beliau bernama Haji Ismail bin Haji Muhammad Arsyad bin Muhammad Sholeh bin Badruddin bin Kamaluddin dan ibu beliau bernama Hajjah Siti Maryam binti Haji Abdurrahim bin Abu Su‘ud bin Badruddin bin Kamaluddin.<sup>7</sup>

Usia 26 tahun beliau menikah dengan Siti Halimah binti Ja‘far pada bulan Syawwal 1330 H. dan di karunia 6 anak (4 laki-laki, 2 perempuan) iaitu: Muhammad Abdul Murad, Muhammad Arsyad, Siti Maryam, Mardiyah, Muhammad dan Ahmad Salih.<sup>8</sup> Pada usianya yang ke-55 tahun, tepatnya pada malam Senin, 18 Syawal 1359 H/1940 M beliau meninggal dunia.<sup>9</sup>

Sejak kecil beliau mendapatkan pendidikan Agama dari ayah dan ibunya. Selain itu juga beliau belajar kepada ulama-ulama tempatan yang juga merupakan keluarga beliau sendiri iaitu: KH. Ismail bin Haji. Ibrahim bin Muhammad Sholeh bin Khalifah Zainuddin bin Sheikh Muhammad Arsyad Al-Banjari dan Sheikh Abdullah Khotib bin Haji Muhammad Sholeh bin Khalifah Hasanuddin bin Sheikh Muhammad Arsyad Al-Banjari.<sup>10</sup>

Pada tahun 1313 H. beliau berangkat ke Makah bersama kedua orang tuanya serta datu dan neneknya. Di sana beliau sangat bersungguh-sungguh dan rajin mempelajari agama. KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari adalah seorang yang masih awam dengan bahasa Arab, selain belajar di rumah dengan ayahnya sendiri, beliau juga belajar kepada Muhammad Amin bin

<sup>7</sup>KH. Muhammad Kasyful Anwar, *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī* Martapura: Putra Sahara Ofset, hlm. 2.

<sup>8</sup>Bayani Dahlan, dkk, *Ulama Banjar dan Karya-Karyanya*, Banjarmasin: Antasari Prees, 2009. hlm. 44.

<sup>9</sup>Munawwar bin Ahmad Ghazalī, Nūr al-Absār fi Zikri Nubzah min Manāqib al-Shaikh Muhammad Kasyful Anwar. Putra Sahara Opset. hlm. 23.

<sup>10</sup>Munawwar bin Ahmad Ghazalī, Nūr al-Absār fi Zikri Nubzah min Manāqib al-Shaikh Muhammad Kasyful Anwar. hlm. 3.

Mahmud bin Asiah binti Muhammad Arsyad al-Banjari, merupakan ulama dari Pasayangan, Martapura, Kalimantan Selatan, yang telah lama bermukim di Mekkah.

Beliau juga selalu mengikuti pengajian-pengajian yang diadakan di Mesjid al-Haram Makah, di antara guru beliau selama di Mekkah ialah<sup>11</sup>:

1. Sheikh ‘Umar Hamdān al-Mahrūs, yang bergelar Muḥaddith al-Haramayn
2. Sheikh Muhammād Yahyā al-Yamānī
3. Sheikh Sa‘īd bin Muhammād al-Yamānī
4. Sheikh Sayyid Ahmad bin Sheikh Sayyid Abū Bakr bin Sheikh Sayyid al-‘Ārif billāh Sayyid Muhammād Syathā, putra penulis kitab I‘ānah al-Thālibīn
5. Sheikh Sayyid Ahmad bin Hasan al-‘Aththās, penulis kitab Tadzkīr al-Nās
6. Sheikh Muhammād ‘Alī bin Huseyn al-Malikī, bergelar Sibawaihi karena kealimannya
7. Sheikh ‘Umar Ba Junayd, seorang Mufti Syafi‘iyyah
8. Sheikh Muhammād Shālīh bin Muhammād Ba Fadhl
9. Sheikh Muhammād Ahyād al-Bughurī
10. Sheikh Sayyid Muhammād Amīn al-Quthbī<sup>12</sup>

KH. Muhammād Kasyful Anwar al-Banjari dalam keilmuan hadith, beliau mempelajarinya secara langsung, bahkan dia juga mempelajari ḥadīth *musalsal* hingga 40 ḥadīth karya Mukhtar Atārid dan Ahyat sekaligus dengan praktek-prakteknya seperti cara memakai surban, zikir, musāfahāh, musyābakah, munāwalah, dll.<sup>13</sup>

Setelah 17 tahun belajar di Makkah beliau kembali ke kampung halaman. Setelah menerapkan ilmu selama 20 tahun di tanah air pada tahun 1350 H/1930 M, ia kembali ke Tanah Suci bersama isteri dan kedua anaknya serta membawa dua orang keponakannya, iaitu: Anang Sya‘rani Arif dan Muhammād Syarwani Abdan. Keberangkatan beliau selain untuk memperdalam ilmu agama, beliau juga mengajar di Masjid al-Haram, Makkah. Beliau bermukim di sana selama 3 tahun.

Pada tahun tanggal 17 Safar 1353 H, beliau kembali ke Kampung Melayu, Martapura. Sedangkan ponakan beliau meneruskan pendidikannya di kota suci tersebut. Sekembalinya dari Tanah Suci Makkah, beliau diminta oleh masyarakat membuka pengajian di rumahnya sendiri. Pada tahun 1922 M, beliau menjadi pemimpin Madrasah Darussalam periode ketiga. Banyak perubahan dan kemajuan yang ia gagas selama memimpin<sup>14</sup> Pembaharuan tersebut menuntutnya untuk menghasilkan kitab dan buku pelajaran yang sesuai dengan kurikulum dan jenjang pendidikan yang dilaksanakan. Dari sinilah, kemudian beliau menyusun sejumlah kitab dan buku pelajaran dalam berbagai bidang ilmu.

Murid-murid beliau adalah Muhammād Arsyad, Ahmad Marzuki, Muhammād Samman bin Abdul Qadir, usain bin Ali Salman Yusuf<sup>15</sup>, KH. Anang Sya‘rani Arif, KH. Husin Qadri, KH. Syarwani Abdan, KH. Seman Mulia, KH. Salim Ma‘ruf, KH. Abdul Qadir Hasan, KH. M. Zaini Ghani, dan ulama masyhur lainnya.

KH. Muhammād Kasyful Anwar al-Banjari dikenal sebagai ulama yang turut serta dalam menyumbangkan keilmuan dalam bentuk kitab. Beberapa karya beliau hasilkan adalah:

1. Hasbūnā, kitab tentang selawat Rasulullah saw.
2. Risālah Fiqhiyyah, kitab tentang dasar-dasar ilmu fikah yang berbahasa Arab.
3. Risālah Tajwid al-Qur’ān, kitab berbahasa Arab-Melayu yang menguraikan tentang dasar-dasar ilmu Tajwid.
4. Risālah fī al-Tawhīd, kitab yang menguraikan tentang dasar-dasar ilmu Tauhid, yang ditulis dalam bahasa Arab.
5. Risālah fī al-Sīrah Sayyid al-Mursalīn, kitab berbahasa Arab menguraikan tentang sejarah ringkas kehidupan Nabi Muhammad saw.

<sup>11</sup>Munawwar bin Ahmad Ghazalī, Nūr al-Absār fī Zikrī Nubzah min Manāqib al-Shaikh Muhammād Anwar. hlm. 7-8.

<sup>12</sup>Munawwar bin Ahmad Ghazalī, Nūr al-Absār fī Zikrī Nubzah min Manāqib al-Shaikh Muhammād Kasyful Anwar. hlm. 4.

<sup>13</sup>Munawwar bin Ahmad Ghazalī, Nūr al-Absār fī Zikrī Nubzah min Manāqib al-Shaikh Muhammād Kasyful Anwar. hlm. 8.

<sup>14</sup>Tim Sahabat, 27 Ulama Berpengaruh Kalimantan Selatan. Kalimantan Selatan: Sahabat, 2010. hlm. 44.

<sup>15</sup>Munawwar bin Ahmad Ghazalī, Nūr al-Absār fī Zikrī Nubzah min Manāqib al-Shaikh Muhammād Kasyful Anwar. hlm. 10.

6. Jadwal Falakiyah, menguraikan tentang rumus-rumus ilmu falak berkaitan dengan penentuan jadwal waktu solat dan penentuan penanggalan hijriyah.
7. Durūs al-Tashrīf, sebanyak empat juz, membahas ilmu tatabahasa Arab (ṣarf), menguraikan perubahan bentuk-bentuk kata dalam bahasa Arab. Kitab ini menjadi rujukan standar hampir di seluruh pondok pesantren salafiah di Kalimantan Selatan.
8. al-Tabyīn al-Rawī Sarḥ Arba‘īn al-Nawāwī, merupakan kitab terjemah dan penjelasan bertulisan jawi terhadap ḥadīth- ḥadīth dalam kitab al-Arba‘īn karya Imam al-Nāwawī.<sup>16</sup>

Hasil karya beliau tersebut menunjukkan bawah beliau selain pakar dalam bidang ḥadīth, dia juga menguasai berbagai bidang agama lain seperti tentang tauhid, fiqah, tajwid, sejarah, bahasa, dan lain-lain. Sebahagian besar dari kitab tersebut sampai sekarang masih diguna pakai oleh masyarakat Banjar, khususnya di Pondok Pesantren Darussalam, Martapura.

a) Pengenalan Kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī*

Kitab ini bernama *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī* yang bermakna penjelasan yang memuaskan. Kitab ini merupakan sharḥ terhadap kitab ḥadīth Arba‘īn imam al-Nawāwī. Penulisan kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī* oleh KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari bermula pada pagi hari Kamis, tarikh 4 Ramadhan 1355 H. di Martapura dan selesai pagi hari Ahad, tarikh 9 Zulhijah 1355 H. Kitab ini disusun sesuai dengan ḥadīth *al-Arba‘īn* Imam al-Nawāwī, berisi 42 ḥadīth. Ditulis menggunakan tulisan jawi.

KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari menyebutkan di dalam mukadimahnya latar belakang penulisan kitab ini adalah untuk memudahkan bagi masyarakat Melayu, pada umumnya, dan masyarakat Banjar pada khususnya, untuk memahami ḥadīth-ḥadīth nabi. Hal ini di disebabkan majorities masyarakat Banjar yang masih awam terhadap bahasa Arab pada waktu itu sehingga membuat beliau berinisiatif untuk menjelaskan ḥadīth-ḥadīth nabi ke dalam bahasa Melayu agar mudah difahami dan agar kiranya diamalkan dengan benar. Hal ini tertulis dari perkataannya:

مک برمول این رسالخ مغهترکن اکو اکن دی بکی سکال اورغ جاوا بیغ برمول مرک ایت دغن بھاسا عرب تیادا مغنم

Maksudnya: “Maka bermula ini risalah menghantarkan aku akan dia bagi segala orang Jawi yang bermula mereka itu dengan bahasa Arab tiada mengenal”<sup>17</sup>

Selain itu, tujuan penulisan kitab ini semata-mata agar mendapatkan manfaat dari ḥadīth-ḥadīth nabi, baik di dunia maupun di akhirat.

b) Metode penulisan kitab *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī*

Metode penulisan yang diguna pakai oleh KH. Muhammad Kasyful Anwar di dalam mensharḥkan ḥadīth Arba‘īn imam al-Nawāwī sebagai berikut:

- 1) Menggunakan tulisan jawi<sup>18</sup>

KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari menggunakan tulisan jawi untuk memudahkan masyarakat memahami ḥadīth Nabi.

- 2) Menuliskan ḥadīth berserta maknanya

<sup>16</sup>Munawwar bin Ahmad Ghazalī, Nūr al-Absār fi Zikri Nubzah min Manāqib al-Shaikh Muhammad Kasyful Anwar. hlm. 11-12.

<sup>17</sup>KH. Muhammad Kasyful Anwar, *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba‘īn al-Nawāwī*. hlm. 5.

<sup>18</sup>lihat Adi Yasran AA, M.Z. Mohd Zin, M. Hashim: H. Halimah, W. Mohd Sharifuddin, S.A. Syed Nurulakla, J. Nur Hidayah, A. Asmadi Sakat & M. Roslan Mohd Nor. The Jawi Writing System And Vocabulary Of The Earliest Legal Malay Inscription and Manuscript. Journal Of Applied Sciences Research. 8(7) : 3225-3234, 2012, ISSN 1819-544X.2012

Sebelum mensharhkan sebuah ḥadīth beliau memulakan dengan menuliskan ḥadīth dan dilanjutkan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Tetapi sebahagian terdapat juga penjelasan dahulu kemudian ditulikan ḥadīthnya.

3) Menjelaskan makna ḥadīth lebih mendalam

Sesudah memberikan terjemah, beliau melanjutkan dengan memberikan penjelasan sesuai keilmuan beliau. Setiap kali mensharhkan ḥadīth ditandai dengan lafaz:

شهدان = syahdan

Contohnya:

(شهدان) دکتهوی درفا این حدیث اکن  
(syahdan) diketahui daripada ini ḥadīth akan

Perkataan syahdan digunanya pakai sebagai tanda bermulanya penjelasan yang beliau berikan. Selanjutnya juga di sebahagian ḥadīth beliau menuliskan:

والحاصل = walhasil

Ini merupakan tanda kesimpulan suatu penjelasan terhadap suatu ḥadīth yang beliau tuliskan.<sup>19</sup>

4) Menjelaskan biografi periwayat

KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari sebahagian sharḥ beliau menuliskan penjelasan biografi secara singkat periwayat pertama sebagaimana dalam pengutipan ḥadīth yang hanya mencantumkan periwayat pertama seperti nama asli, *kunyah*, tempat tanggal lahir, tempat tinggal, guru dan murid, jumlah ḥadīth yang diriwayatkan dan tanggal wafat.

## Kesimpulan

KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari memang memiliki kepakaran dalam bidang ḥadīth. Selain itu beliau juga pakar dalam bidang keislaman lain seperti tauhid, fiqah, tajwid, sejarah, bahasa. Hal ini terlihat dari karya-karya beliau yang beliau hasilkan. Sehingga semua ini menjadi bukti bahawa beliau pakar dalam ḥadīth. Kitab *al-Tabyīn al-Rawī* nya ditulis oleh KH. Muhammad Kasyful Anwar al-Banjari untuk masyarakat awam yang tidak mengerti bahasa Arab dan masih minim pengetahuan keagamaan, inilah sebab kitab tersebut ditulis dengan bahasa local, iaitu bahasa Melayu agar mudah di fahami dan diamalkan. Metode analisis yang digunakan oleh beliau mengikut analisis kontennya dengan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis nabi sebagai dasar analisisnya.

---

<sup>19</sup>KH. Muhammad Kasyful Anwar, *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba'īn al-Nawāwī*. hlm. 35.

### Rujukan

- Adi Yasran AA, M.Z. Mohd Zin, M. Hashim: H. Halimah, W. Mohd Sharifuddin, S.A. Syed Nurulakla, J. Nur Hidayah, A. Asmadi Sakat & M. Roslan Mohd Nor. The Jawi Writing System And Vacabulary Of The Earliest Legal Malay Inscription and Manuscript. Journal Of Applied Sciences Research. 8(7) : 3225-3234, 2012, ISSN 1819-544X.2012 SCOPUS
- Ahamad Asmadi Sakat. Jenis dan Istilah Hadith dalam *Jami` al-Turmudhi*: Satu Kajian. Jurnal Islamiyyat. Vol. 29 : 2007 ISSN 0216-5636. Pp 71-92 2007
- Ahamad Asmadi Sakat & Mohd Fauzi Mohd Amin. Kepentingan Sanad Dalam Ilmu Hadith Di Era Globalisasi. Jurnal Ma`alim al-Qur'an wa al-Sunnah. Vol 2 No 2, 2006, ISSN 1823-4356, Pp 165-187.
- Ahamad Asmadi bin Sakat. Metodologi Penulisan Kitab al-Jami' Karya Imam al-Turmidhi: Tumpuan Kepada Meriwayat Hadith Dalam Bab Tertentu. Jurnal Usuluddin UM. Bil. 12 : 2000. Pp 45-58.
- Mazlan Ibrahim, Haziah Hussin, Latifah Abdul Majid, *Warisan Hadith Ulama Nusantara*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Tim Sahabat (2010), *27 Ulama Berpengaruh Kalimantan Selatan*, Kandangan: Penerbit Sahabat.
- Saifuddin, Dzikri Nirwana, dan Bashori (2013) *Kajian Hadith Ulama Banjar*, Banjarmasin, Antasari Press.
- KH. Muhammad Kasyful Anwar, *al-Tabyīn al-Rawī Sharḥ Arba'īn al-Nawāwī* (Martapura: Putra Sahara Ofset.
- Bayani Dahlan, dkk, *Ulama Banjar dan Karya-Karyanya*. Banjarmasin: Antasari Prees, 2009.
- Munawwar bin Ahmad Ghazalī, Nūr al-Absār fi Zikri Nubzah min Manāqib al-Shaikh Muhammad Kasyful Anwar. Putra Sahara Opset.